

Jenis Akhbar : Berita Harian

Tarikh : 27/08/2024

Edisi / Muka Surat : Nasional / 11

Tajuk : Naik gaji patut tambah simpanan, bukan hutang

Naik gaji patut tambah simpanan, bukan hutang



Pensyarah dan Penyelidik Kanan Pengurusan Teknologi Pengeluaran, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Oleh Prof Madya Dr Md Fauzi Ahmad
bhrencana@bh.com.my

Kenaikan gaji penjawat awam dapat membantu meringankan beban kos sara hidup meningkat, tetapi tidak boleh dijadikan alasan untuk mengamalkan gaya hidup berlebihan atau membuat keputusan kewangan tidak bijak.

Data menunjukkan penjawat awam, terutama gred rendah kerap bergantung pinjaman peribadi bagi menampung keperluan asas. Menurut laporan Angkatan Koperasi Malaysia Berhad (ANGKASA), 800,000 penjawat awam berbuat demikian dengan bayaran balik tahunan mencecah RM14.4 bilion.

Pinjaman baharu penjawat awam lazimnya meningkat menjelang sesi pembukaan sekolah, kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi dan musim perayaan.

Contohnya, jumlah kakitangan memohon pinjaman baharu naik 10 peratus, iaitu daripada 30,000 kepada 40,000 peminjam menjelang Aidilfitri. Pinjaman berlebihan menyebabkan bayaran balik bulanan tinggi, mencecah hingga 60 peratus daripada gaji.

Tahap keberhutangan ini sangat membimbangkan kerana meninggalkan sedikit ruang untuk perbelanjaan harian dan keperluan lain, sekali gus boleh membawa masalah kewangan lebih besar, termasuk risiko muflis.

Justeru, penjawat awam perlu menetapkan had selamat pinjaman, tidak lebih 30 hingga 40 peratus daripada pendapatan bulanan.

Nilai kemampuan bayar hutang

Mengurus hutang dengan bijak adalah langkah pertama perlu diambil setelah menerima kenaikan gaji. Antara strategi utama adalah melangsaikan hutang sedia ada, terutama dengan kadar faedah tinggi seperti pinjaman peribadi dan kad kredit.

Kenaikan gaji mungkin membuatkan sesetengah penjawat awam rasa mampu membuat pinjaman baharu, tetapi mereka perlu menilai semula keperluan sebenar dan memastikan setiap keputusan kewangan berdasarkan kemampuan bayaran balik.

Mereka juga boleh menyusun semula pinjaman dengan kadar faedah lebih rendah atau tempoh pembayaran lebih panjang, sekali gus mengurangkan bayaran bulanan serta memberi lebih ruang

dalam bajet bulanan.

Pakar kewangan menetapkan sekurang-kurangnya 10 peratus pendapatan disimpan setiap bulan. Dengan kenaikan gaji, jumlah simpanan boleh ditingkatkan melalui akaun simpanan tetap atau instrumen pelaburan lebih menguntungkan seperti unit amanah dan saham.

Mereka perlu menimbang untuk melabur dalam pendidikan anak atau perancangan persaraan. Dengan kenaikan gaji, penjawat awam boleh menambah sumbangan dana pendidikan atau persaraan.

Kerajaan juga perlu memastikan penjawat awam mendapat panduan dan sokongan diperlukan supaya bijak mengurus kewangan seperti menyediakan program pendidikan kewangan merangkumi aspek pengurusan hutang, simpanan, pelaburan dan perancangan persaraan.

Realitinya, kenaikan gaji adalah peluang baik untuk penjawat awam memperbaiki keadaan kewangan dan mencapai kestabilan jangka panjang.

Dengan pengurusan hutang bijak, simpanan konsisten dan pelaburan terancang, penjawat awam boleh memastikan mereka dalam kedudukan lebih baik untuk menghadapi cabaran kewangan pada masa depan.